



Memperkasa bidang penyelidikan

Hasilkan lebih banyak produk inovasi, tingkat imej universiti

Oleh Nor Azma Laila
 norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Usaha kerajaan mengkategorikan lima universiti awam (UA) di negara ini pada 2006 sebagai universiti penyelidikan dilihat berjaya memperkasakan institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam menghadapi cabaran pendidikan peringkat global.

Pelbagai impak positif dapat dilihat hasil daripada transformasi berkenaan termasuklah mening-

katkan imej universiti di peringkat tempatan dan global, menghasilkan lebih banyak produk inovasi yang berjaya memberi manfaat kepada masyarakat serta melahirkan lebih ramai graduan pascasiswazah yang berkualiti untuk negara.

Sabtu tahun, bidang pendidikan dan penyelidikan di universiti turut menerima peruntukan khusus dalam usaha kerajaan membantu universiti dan pelajar untuk menjalankan lebih banyak kajian pada masa depan.

Meskipun begitu, sejak beberapa

taun kebelakangan ini, pengurangan peruntukan kepada universiti dilihat turut memberi kesan kepada aspek penyelidikan dan pelajar pascasiswazah itu sendiri.

Pelajar Sarjana Sains di Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Azri Muhamad Yusop, berkata masalah kekurangan peruntukan untuk pelajar pascasiswazah bukan perkara baharu dan berlaku di kebanyakan universiti di negara ini.

Katanya, bagi menampung yuran

pengajian, ada pelajar mendapatkan pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) termasuklah dirinya tetapi ada juga yang berjaya mendapatkan biasiswa daripada universiti atau menggunakan tabungan sendiri.

"Selain yuran pengajian, ada kos lain yang perlu ditanggung iaitu kos untuk membeli bahan yang perlu digunakan dalam menjalankan ujian bagi penyelidikan yang dijalankan sehingga menyentut saya untuk membuat kerja sambilan."



Jelajah siswa

Dakwah golongan gelandangan *Muka 5*

Kerjaya

Pakar neurologi *Muka 7*

Pesonality

Atlet ragbi kebangsaan *Muka 8*